

03 SEP 1997

AZMAN HASHIM NAFI SEDANG DISIASAT

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Tan Sri Azman Hashim, pengerusi kumpulan perbankan Arab-Malaysian, telah menafikan bahawa kumpulan itu sedang disiasat kerana kegiatan penjualan pendek.

"Khabar angin itu adalah tidak betul," katanya kepada Bernama dalam satu perbualan melalui telefon hari ini.

Terdapat cakap-cakap dalam pasaran bahawa selain kumpulan perbankan Arab-Malaysian, sebuah lagi kumpulan kewangan yang besar juga sedang disiasat atas tuduhan yang sama dan kerana membantu pihak asing memanipulasikan pasaran matawang dan pasaran saham.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata terdahulu bahawa tiada tokoh perbankan ternama yang akan didakwa di mahkamah kerana kegiatan berkaitan manipulasi pasaran.

Sementara itu, Azman menyambut baik penubuhan dana berjumlah RM60 bilion untuk menyokong pasaran saham Kuala Lumpur seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

"Ia adalah satu berita baik untuk rakyat Malaysia kerana mereka akan dapat memiliki saham dan juga digalakkan untuk memegang saham mereka," katanya.

Walaupun harga saham agak murah, pelabur tidak akan tergalak untuk membeli terutama dalam sebuah pasaran yang lemah, katanya.

Bagaimanapun, memandangkan kini saham akan dimiliki melalui dana itu dan dijual kepada rakyat Malaysia pada satu harga premium, pelabur tempatan akan digalakkan untuk membeli, katanya. -- BERNAMA

MR SIA